

WARGA SERI AL HUDA

PERUTUSAN II DARI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



LAMPIRAN 1

BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA (SEHINGGA 18 APRIL 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	94
PULAU PINANG	0	119
PERAK	0	252
SELANGOR	2	1,340
NEGERI SEMBILAN	3	405
MELAKA	0	148
JOHOR	16	639
PAHANG	2	264
TERENGGANU	1	109
KELANTAN	0	155
SABAH	10	303
SARAWAK	6	403
W.P. KUALA LUMPUR	14	985
W.P. PUTRAJAYA	0	55
W.P. LABUAN	0	16
JUMLAH KESELURUHAN	54	5,305

Jangan Terjebak Sebar Berita Palsu!

Pihak Polis telah membuka 94 kertas siasatan berhubung penyebaran berita palsu berkaitan dengan wabak COVID-19, setakat 26 Mac 2020.


Sebarang penyebaran berita palsu akan didakwa mengikut Seksyen 505 Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia.

(6) enam kes telah dibicarakan di mahkamah dengan (5) lima kes daripadanya telah mengaku bersalah dan sebanyak 80 kes lagi masih dalam siasatan.

SEMAK SEBELUM SEBAR

- BACA**
Jika membaca sesuatu siaran menarik dan ingin berkongsi dengan rakan yang lain.
- SEMAK**
Ambil masa untuk menyemak kesahihan dan fakta berkaitan siaran tersebut.
- SEBAR**
Setelah mendapat kepastian berubah berkongsi dengan rakan yang lain.

InfografikMKN



Syukur

Marilah kita sama-sama merafakkan rasa syukur kepada Allah atas nikmat dan ujianNya dan mengizinkan kita semua dalam lindungan dan rahmahNya. Izinkan saya memohon agar semua kita berada dalam keadaan baik, sihat, terlindung dan mengikuti arahan yang telah di keluarkan oleh kerajaan dengan izin Allah. Moga kita terima ini sebagai ujian dan peluang untuk menebus diri, keluarga, masyarakat dan negara untuk menilai kembali amal kita dalam semua bentuk samada di dunia mahupun di akhirat. Marilah kita redha dan sabar dengan ujian ini.

Penjagaan Diri, keluarga, masyarakat dan negara

Telah banyak di sebut tentang penjagaan diri, keluarga dan hubungan dengan orang lain, kerana ia menjadi asas kepada keselamatan masyarakat, komuniti dan negara. Semuanya bermula dengan diri kita. Saya harap kita sama-sama dapat mengamalkannya demi kelangsungan umat untuk mendapat tempat untuk bersenang-senang (surah al Kahfi ayat 29). Kita boleh atau mungkin saudara-saudari telah mengisi masa dengan pelbagai ibadah, mungkin menambah hafalan dan sebagainya, Alhamdulillah, teruskan.

antara SABAR dan RIDHO

Derajat orang yang ridho lebih utama dari orang yang sabar.

Nabi ﷺ telah mengingatkan dalam sabdanya "Sesungguhnya Allah apabila menyintai suatu kaum maka Dia akan menguji mereka. Barangsiapa yang ridho niscaya dia akan memperoleh keridhoan-Nya dan barangsiapa yang murka maka dia akan mendapat kemurkaan-Nya."

(Shohih At-Tirmidzi 2396 dhasankan oleh Syaikh Nashir dari Anas bin Malik)

Cukuplah kisah Nabi Ayyub 'alaihis salam sebagai pelajaran berharga bagi kita bahwa keridhoan beliau terhadap ujian Allah menjadi sebab digantinya penderitaan dengan kenikmatan yang lebih banyak.

sumber: <https://t.me/manhajulhaq>

Ukhuwah Fil Hijrah
Broadcast ☎ 0811271630
FREE SHARE



Sekolah Kita

Alhamdulillah, pihak pengurusan bertekad untuk memastikan semua kakitangannya terjaga dan menerima upah sebagaimana biasa, in syaa Allah. Perlindungan Takaful Perubatan kita kini adalah dengan ETIQA TAKAFUL mulai 1 April 2020. Saya juga berpesan supaya kita terus berusaha memenuhi amanah dan tanggungjawab sebagai guru dengan penuh komitmen dan tersusun agar pelajar kita 'terjaga' dan 'terbela' dari segi Pendidikan mereka sebagaimana yang dimaklumkan melalui Guru Bear.

Ingatan Allah ini meminta kita melihat apa yang kita lakukan dan meminta kita berubah, cara kita beramal, berfikir dan bertindak, waktu begini satu krisis maka tindakan kita haruslah sebarisnya.

Suka saya ingatkan yang kita perlu bersedia dengan permulaan sesi persekolahan selepas tamat PKP. Antara persiapan utama adalah keselamatan, kesihatan, cara bermuamalat yang lebih teratur, kedudukan murid dalam kelas, dan yang lebih penting, memastikan persediaan mereka sebelum ke tahun akan datang adalah mencukupi dan sempurna sebagai pra syarat ke kelas tahun akan datang. Ini lah kebiasaan baru kita nanti (new normal) termasuk berpuasa sendiri (bagi yang tiada di kampung sekarang) atau berhari raya aidil fitri.

Sila berhati-hati apabila bertemu dengan sesiapa dan pastikan kita tidak menjadi salah satu dari rantaian wabak ini, lebih-lebih lagi sebelum sekolah di buka. Mari kita beringat sebelum kena.

Dalam kenyataan KKM, "KKM khawatir sekiranya penurunan jumlah kes beberapa hari ini disalah erti serta membuatkan masyarakat alpa lalu mengambil mudah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana memikirkan bahawa wabak #COVID19 ini hampir selesai. KKM menasihatkan rakyat Malaysia agar terus patuh PKP".

Apa yang boleh kita belajar dari insiden bersejarah dan penuh ujian dan hikmah ini?

1. Kita perlu bersedia untuk melepaskan sebahagian kebebasan kita untuk manfaat ramai
2. Kita perlu membasuh tangan tanpa mengira samada virus ada atau tidak
3. Bekerja dari dan di rumah punya kemungkinan



Add a caption for your picture.



4. Bercuti kerana sakit boleh menyelamatkan nyawa (sendiri dan orang lain)
5. Internet adalah satu keperluan
6. Staf kesihatan (dokter, jururawat dan seumpamanya) termasuk penyelidik perlu di beri upah sewajarnya;
7. Semua patut tahu memasak
8. Penting bagi kita untuk bercakap dengan rakan (bukan sekadar mesej/wa)
9. Belajar apresiasi alam sekitar (berbanding hanya melihat dinding rumah)
10. Belajar untuk hidup bersendirian apabila penjarakkan di patuhi (social distancing)

Akhirnya sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan pohon berbanyak maaf atas segala ketelanjangan, terlepas kata kepada semua guru dan kakitangan, ibubapa dan teman. Hanya niat saya untuk kebaikan sekolah, pelajarinya dan gurunya dan umat ini demi mendepani masa depan yang punya pelbagai dugaan. Moga Allah lindungi tuan-tuan dan puan-puan dari wabak ini, serta keluarga, masyarakat dan seluruh sahabat kita dalam negara dan di dunia ini seluruhnya.

*Akhukum Fillah
Syed Ismail Alhabshi
19 April 2020*

PANDUAN KESELAMATAN MAKANAN: SEMASA PENYERAHAN MAKANAN



- | | |
|---|--|
| 1 KEKALKAN JARAK 1 METER DARIPADA PELANGGAN | 2 MEMAKAI PENUTUP MULUT DAN HIDUNG SEMASA PENYERAHAN |
| 3 ELAKKAN SENTUHAN SEMASA PENYERAHAN MAKANAN "CONTACTLESS DELIVERY" | 4 KERAP MENCUCI TANGAN DAN GUNAKAN SANITIZER SEBELUM DAN SELEPAS MENYERAHKAN MAKANAN |

